

Kerjasama

Frim, Geti

bangunkan

industri buluh

BH 17 FEB 2002

KUALA LUMPUR: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) akan menandatangani memorandum perjanjian dengan Gerik Timber Industries Sdn Bhd (Geti) bagi membangunkan industri buluh.

Memorandum perjanjian antara kedua-dua pihak itu akan ditandatangani Rabu ini.

Frim memulakan projek perintis industri buluh di Felda Mempaga 3, Bentong, Pahang pada 1997 bersama Felda dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Satu kenyataan Frim semalam memberitahu, skop kerjasama itu ialah pengurusan kilang pemprosesan buluh, latihan teknikal dan kemahiran memproses buluh di kalangan masyarakat Felda, penubuhan ladang buluh, pembangunan produk buluh serta ekonomik pengeluaran.

Mengikut perjanjian, Geti akan menjalankan operasi secara komersial untuk pengeluaran produk bermutu tinggi khususnya pakir dan pepapan buluh, manakala Frim menyediakan latihan dan khidmat teknikal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Dasar Baru Pertanian negara memberi penekanan perlunya industri buluh di Malaysia dikembangkan bagi perusahaan dan pembuatan buluh yang bermutu tinggi.